

**AKAUN MATA WANG ASING (English Version)****TERMA DAN SYARAT ("T&S")**

Sebagai balasan kepada persetujuan Hong Leong Bank Berhad ("HLB") membenarkan pelanggan HLB ("Pelanggan") membuka serta mengendalikan akaun mata wang asing dengan HLB atas permohonan Pelanggan, maka dengan ini Pelanggan bersetuju, berwaad dan beraku janji untuk membuka dan mengendalikan akaun mata wang asing tertakluk kepada Terma dan Syarat Am Akaun yang akan terpakai ke atas terma dan syarat Akaun Mata Wang Asing ("Terma dan Syarat") melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam ini:-

**1. Takrifan & Tafsiran**

1.1 Istilah dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang diutamakan khusus baginya melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:

- (a) '**Akaun**' bermakna apa-apa akaun (sama ada akaun semasa, deposit tetap atau apa-apa akaun lain yang dibenarkan oleh HLB) dalam mana-mana mata wang asing yang HLB boleh terima dibuka atau untuk dibuka oleh Pelanggan dengan HLB dari semasa ke semasa; dan
- (b) '**Peminjaman Domestik**' bermakna:
  - i. apa-apa Peminjaman dalam Ringgit diperoleh oleh Pemastautin daripada Pemastautin lain; atau
  - ii. apa-apa obligasi dianggap atau disifatkan sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah mana-mana FEN
- (c) '**Entiti**' bermakna
  - i. mana-mana perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan, koperasi, perkongsian liabiliti terhad dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang, sama ada korporat atau bukan korporat, dalam atau luar; atau
  - ii. Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana kerajaan lain;
- (d) '**FEN**' bermakna Notis Pertukaran Asing seperti mana dipinda atau ditambah dari semasa ke semasa, yang boleh didapati di laman web <https://www.bnm.gov.my/fep>;
- (e) '**Perkongsian Am**' mempunyai pengertian sama dengan istilah "perkongsian" seperti mana ditakrif dalam Seksyen 3(1) Akta Perkongsian 1961
- (f) '**Individu**' bermakna individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas, sama ada dengan nama tunggal atau nama bersama;
- (g) '**Bank Dalam Pesisir Berlesen**' bermakna:
  - i. bank berlesen atau bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; dan
  - ii. bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- (h) '**Pemastautin**' bermakna:
  - i. warga negara Malaysia, tidak termasuk warga negara yang telah memperoleh status pemastautin tetap dalam sebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan sedang bermastautin di luar Malaysia;
  - ii. bukan warga negara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap dalam Malaysia dan biasanya bermastautin dalam Malaysia; iii. pertubuhan perbadanan yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa, dalam Malaysia;
  - iv. pertubuhan tak diperbadankan yang berdaftar dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa dalam Malaysia; atau
  - v. Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (i) '**Ringgit Malaysia**' atau '**RM**' bermakna mata wang sah Malaysia.

## 2. Pembukaan Akaun

2.1 Sesuatu Akaun boleh dibuka dalam apa-apa mata wang asing (selain Ringgit Malaysia) yang boleh diterima oleh HLB setelah memperoleh sumber rujukan yang boleh diterima oleh HLB dan segala dokumen yang dikehendaki HLB. Pelanggan bersetuju untuk menyempurnakan dokumen-dokumen yang dikehendaki HLB pada masa sekarang atau masa akan datang bersabit dengan Akaun itu dan apa-apa perkhidmatan berkaitan.

## 3. Pengendalian Akaun

3.1 Pelanggan hendaklah mengendalikan Akaun dengan cara memberi arahan bertulis dan jika perlu menerusi borang dan surat cara yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa. Segala transaksi bagi deposit atau pengeluaran wang daripada Akaun hanya boleh dibuat menerusi draf permintaan, pindahan atau apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh HLB. Tiada:-  
(a) buku cek akan dikeluarkan bagi Akaun jika akaun tersebut adalah akaun semasa; dan  
(b) wang tunai atau mata wang kertas dalam apa-apa mata wang diurusniaga atau dikendalikan berkenaan Akaun itu.

3.2 Deposit dan pengeluaran wang antara cawangan adalah dibenarkan.

## 4. Deposit ke dalam Akaun

4.1 Hasil kutipan daripada cek, draf atau surat cara lain untuk kredit Akaun ("**Dana**") hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun hanya apabila cawangan HLB tempat Akaun itu diselenggara telah menerima Dana berkenaan. Dana yang, atas budi bicara HLB, dikreditkan ke dalam Akaun sebelum kutipan atau penyelesaian terakhir akan dikreditkan ke dalam Akaun tertakluk kepada penerimaan bayaran muktamad di pihak HLB. Sekiranya HLB tidak, atas apa jua sebab sekalipun, menerima Dana tersebut atau jika mana-mana cek, draf atau surat cara itu tak layan atau tak laku, maka HLB berhak pada bila-bila masa untuk mengembalikan sebarang kredit (sebahagian atau keseluruhan) berkenaan Dana tersebut daripada Akaun itu. Pelanggan bersetuju untuk membayar balik HLB atas permintaan bertulis HLB segalakerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh HLB akibat daripada atau berkaitan dengan cek, draf atau instrumen tak laku dan HLB berhak mendebitkan Akaun untuk jumlah tersebut dengan notis bertulis kepada Pelanggan.

4.2 Bagi tujuan kutipan untuk Pelanggan, HLB berhak menggunakan apa-apa kaedah yang ditentukan sesuai oleh HLB untuk mendapat hasil daripada kutipan tersebut.

4.3 Sekiranya di sisi undang-undang dalam tempoh masa ditetapkan tidak mungkin HLB dapat menyerahkan sebarang cek atau surat cara yang dikirim Pelanggan, atau memberitahu bank penyerah apabila tiba masanya tentang perihal tak bayar atau tak terima cek atau surat cara itu, maka HLB tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan dan dengan ini Pelanggan mengetepikan apa-apa hak bertindak terhadap HLB, kecuali dalam hal ganti rugi yang terbit secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau di pihak HLB.

4.4 Deposit hendaklah dibuat dalam mata wang Akaun berkenaan.

## 5. Pengeluaran wang daripada Akaun

5.1 HLB boleh pada bila-bila masa menolak sebarang pengeluaran atau menghadkan amaun yang boleh dikeluarkan.

5.2 Segala bayaran atau pindahan yang dilaksanakan oleh HLB akan didebitkan kepada Akaun pada tarikh yang ditentukan oleh HLB.

5.3 Apabila jumlah amaun atas perintah atau arahan yang diberi oleh Pelanggan melampaui baki kredit yang ada dalam Akaun, maka HLB berhak menentukan perintah atau arahan yang mana akan dilaksanakannya secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa mengira tarikh penghantaran atau penerimaan.

5.4 Bayaran atau pindahan daripada Akaun hendaklah dibuat dalam mata wang Akaun atau mengikut pilihan HLB, iaitu Ringgit Malaysia. Jika HLB melaksanakan apa-apa bayaran atau pindahan dalam mata wang selain mata wang Akaun, maka HLB berhak menukar mata wang Akaun itu kepada mata wang lain mengikut kadar pertukaran HLB sendiri.

## **6. Penutupan Akaun**

6.1 Apabila berlaku penutupan Akaun, sama ada oleh HLB atau Pelanggan, HLB boleh menahan atas budi bicaranya sendiri suatu amaun setara dengan liabiliti belum lunas Pelanggan kepada HLB (sama ada masa sekarang atau masa akan datang).

## **7. Akaun Semasa Mata Wang Asing**

7.1 HLB tidak berkewajipan membayar apa-apa faedah bagi Akaun jika akaun tersebut adalah akaun semasa.

7.2 Apabila Akaun itu adalah akaun semasa, Akaun itu tidak boleh terlebih keluar melainkan dibenarkan oleh HLB dan, jika dibenarkan, maka apa-apa amaun yang terlebih keluar itu hendaklah dibayar balik apabila dituntut dan selagi tidak dibayar balik, maka amaun tersebut dikenakan faedah pada kadar yang ditentukan oleh HLB.

7.3 HLB berhak pada bila-bila masa untuk mengembalikan apa-apa kredit yang tersilap dikreditkan kepada Akaun atau apabila Pelanggan telah mengubah kedudukannya kerana kebergantungan kepada kredit tersebut. Sebarang baki debit yang terbit daripada pembalikan tersebut adalah hutang Pelanggan kepada HLB yang perlu dibayar balik apabila dituntut dan selagi tidak dibayar balik, maka faedah akan dikenakan pada kadar yang ditentukan oleh HLB.

7.4 Pelanggan mestilah mengekalkan Akaun Semasa atau Simpanan satu Ringgit Malaysia (RM) ("**CASA**") dengan HLB bagi memudahkan penukaran RM kepada mata wang asing dan begitu juga sebaliknya.

## **8. Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing**

8.1 Pelanggan boleh meletak apa-apa mata wang asing yang ditetapkan oleh HLB dalam deposit tetap ("**Deposit Tetap**") tertakluk kepada amaun, tempoh deposit tetap tersebut dan kadar faedah yang dipersetujui oleh HLB. HLB boleh, dari semasa ke semasa, menghendaki amaun minimum diletak bagi deposit tetap tersebut. Sekiranya HLB bersetuju menerima Deposit Tetap itu, maka HLB dibenarkan mendebit Akaun berkenaan bagi tujuan meletak deposit tetap tersebut.

8.2 Pengeluaran Deposit Tetap sama ada sebahagian atau keseluruhan sebelum tarikh matang hanya boleh dibuat dengan persetujuan HLB, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh HLB, termasuk kehilangan faedah atas Deposit Tetap tersebut.

8.3 HLB berhak memotong apa-apa amaun yang pelanggan berhutang bagi apa-apa penahanan atau cukai lain, duti atau caj yang kena dibayar bagi apa-apa pendapatan atau faedah atas amaun yang diletak

8.4 Kecuali serah hak, pindah milik, gadaian atau sandaran Deposit Tetap atas nama HLB atau mana-mana cawangannya sebagai cagaran, maka Deposit Tetap itu tidak boleh diserahkan, digadai disandarkan atau dipindah milik, sama ada melalui pengendorsan atau sebaliknya, oleh Pemegang Akaun.

## **9. Pematuhan Undang-undang, Peraturan dll. oleh Pelanggan**

9.1 Pelanggan membuat aku janji kepada HLB seperti berikut:

- (a) Pelanggan akan pada setiap masa mematuhi segala undang-undang, peraturan, arahan (termasuk arahan mengenai transaksi antarabangsa dan domestik, biar apa pun nama yang

diberi, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“**BNM**”), yang pada ketika ini FEN), garis panduan (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) termasuk segala syarat kelayakan dan peraturan yang ditetapkan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa perundangan atau kawal selia lain atau agensi (kerajaan atau tidak), berkaitan dengan: i. pembukaan dan pengendalian Akaun; dan ii. kegunaan dan sumber dana;

- (b) Jika dan apabila dikehendaki, Pelanggan hendaklah memberi kepada HLB segala maklumat / dokumen sokongan yang dikehendaki bagi tujuan memastikan pematuhan FEN atau apa-apa kehendak lain yang dikenakan oleh pihak berkuasa kawal selia berkenaan; dan
- (c) Segera memberitahu HLB secara bertulis sekiranya pihaknya melanggar undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan tersebut.

#### 9.2 Terbuka kepada Pelanggan Individu sahaja:

Pengendalian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk Akaun yang dibuka oleh Pelanggan Individu dikawal selaras dengan Aset Mata Wang Asing Pelaburan (“**IFCA**”) di bawah FEN, peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa serta pindaannya dari semasa ke semasa. Selain itu, Pelanggan Individu dengan Peminjaman Ringgit Domestik akan tertakluk kepada had maksimum **Ringgit Malaysia Satu Juta** (RM1,000,000) setara dalam agregat bagi setiap tahun kalendar.

#### 9.3 Terbuka kepada Pelanggan Entiti sahaja:

Selaras dengan Notis Pertukaran Asing, semua Akaun yang dibuka oleh Pelanggan Entiti hendaklah ditetapkan sama ada sebagai Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (“**TFCA**”) atau Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (“**IFCA**”) berdasarkan tujuan Akaun dibuka. Pengelasan TFCA dan IFCA oleh HLB dinyatakan di bawah ini:

- (a) Bagi TFCA, Pelanggan Entiti mestilah pengeksport / pengimport atau Pelanggan Entiti mempunyai obligasi mata wang asing, iaitu pembayaran import dan bayaran balik pinjaman mata wang asing.
- (b) Bagi IFCA, Pelanggan Entiti bukan pengeksport / pengimport atau tidak mempunyai obligasi mata wang asing, iaitu pembayaran import dan bayaran balik pinjaman mata wang asing.

#### 9.4 Pelanggan yang merupakan Entiti Pemastautin (selain keempunyaan tunggal dan Perkongsian Am) dengan Peminjaman Ringgit Domestik tertakluk kepada had pelaburan **Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta** (RM50 juta) setara bagi setiap tahun kalendar menggunakan dana bersumber daripada agregat:

- (a) Penukaran Ringgit kepada mata wang asing;
- (b) TFCA;
- (c) Peminjaman (seperti ditakrif dalam FEN) dalam mata wang asing daripada Bank Dalam Pesisir Berlesen bagi tujuan selain daripada Pelaburan Langsung Luar Negara (seperti ditakrif dalam FEN); dan
- (d) Bertukar-tukar aset kewangan berdenominasi Ringgit di Malaysia bagi aset kewangan di luar Malaysia.

Pengiraan had pelaburan adalah dalam agregat bagi setiap tahun kalendar atas dasar kumpulan korporat (perhubungan induk-subsidiari).

### 10. Cukai & Risiko

- 10.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa transaksi mata wang asing melibatkan risiko, termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko disebabkan turun naik kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, pindahan terpaksa atau perubahan dalam dasar kerajaan atau apa-apa sebab lain di luar kawalan HLB. Pelanggan bersetuju bahawa HLB berhak melaksanakan apa-apa penukaran atau penukaran semula apa-apa mata wang seperti mana dikehendaki undang-undang dan/atau di bawah mana-mana Terma dan Syarat ini bagi apa-apa bayaran, potongan, pegangan atau apa-apa cukai atau levi lain dan HLB tidaklah bertanggungjawab terhadap pelanggan atau mana-mana pihak lain atas apa-apa kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau pihak-pihak lain disebabkan penukaran atau penukaran semula tersebut.

## **11. Tolak selesai**

11.1 Tanpa menjejaskan dan di samping apa-apa remedi tolak selesai HLB di bawah undang-undang mana-mana bidang kuasa berkenaan, HLB boleh menggunakan, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan, sebarang hak tolak selesai, penggabungan atau penyatuan antara sebarang jumlah wang dalam mana-mana akaun yang dipegang oleh HLB dan sebarang liabiliti terhutang kepada HLB atau sebarang hak perlucutan, pegangan atau sandaran ke atas apaapa jumlah wang yang dipegang oleh HLB selaras dengan dan tertakluk kepada undangundang Malaysia walaupun:

- (a) jumlah wang yang dipegang oleh HLB berdenominasi mata wang lain yang berbeza dengan yang kena dibayar, terhutang atau ditanggung HLB;
- (b) jumlah wang yang dipegang oleh HLB belum lagi kena dibayar dan perlu dibayar kepada Pelanggan;
- (c) jumlah wang yang kena dibayar, terhutang atau ditanggung HLB belum lagi perlu dibayar buat masa sekarang; atau
- (d) jumlah wang yang dipegang oleh HLB berada di suatu bidang kuasa atau cawangan HLB berbeza daripada jumlah wang yang kena dibayar atau terhutang atau ditanggung HLB.

11.2 Jika apa-apa amaun yang dipegang oleh HLB adalah dalam mata wang berbeza dengan amaun yang kena dibayar, terhutang atau ditanggung HLB, maka HLB akan berhak dan setelah memberi notis awal kepada Pelanggan, menukar mata wang tersebut kepada mata wang yang diluluskan oleh HLB dengan kosnya ditanggung Pelanggan.

## **12. Liabiliti**

12.1 Kecuali dalam hal ganti rugi yang terbit secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau di pihak HLB, HLB tidak bertanggungjawab terhadap, apa-apa kerugian kerosakan atau liabiliti lain yang dialami Pelanggan atau HLB yang timbul

- (a) akibat HLB bertindak atas apa-apa arahan atau komunikasi yang HLB percaya dengan niat baik dikeluarkan oleh Pelanggan atau sesiapa sahaja yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk memberi atau menghantar arahan atau komunikasi kepada HLB; atau
- (b) akibat kesilapan atau kegagalan penyampaian apa-apa arahan atau komunikasi berpunca daripada kesilapan Pelanggan.

12.2 HLB sama sekali tidak bertanggung terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain kerana sebarang kerugian tak langsung atau berbangkit yang dialami Pelanggan.

## **13. Fi Perkhidmatan, Caj dan Kos**

13.1 HLB berhak mengenakan atau melewi fi perkhidmatan dan kos serta caj lain berkenaan dengan segala cek, draf, surat cara lain yang dimasukkan atau dikeluarkan atas Akaun dan segala transaksi, termasuk caj bank yang biasa, komisen, belanja pos, caj kawat. HLB berhak mengubah fi perkhidmatan tersebut dan caj lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal, dan Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada HLB untuk mendebit Akaun atau memotong daripada hasil kutipan yang diterima bagi fi, komisen dan caj tersebut tanpa memberi lagi notis kepada Pelanggan.

## **14. Notis**

14.1 Apa-apa pemberitahuan daripada HLB kepada pelanggan boleh diberi dengan salah satu cara berikut :-

- (a) melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau dengan tangan yang dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat Pelanggan terkini yang berdaftar dengan HLB dan akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan dalam masa tiga (3) Hari Perniagaan dari tarikh diposkan jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam masa dua (2) Hari Perniagaan dari tarikh hantaran jika melalui kurier atau dengan akuan terima jika dengan tangan; atau

- (b) melalui notis umum dalam satu akhbar utama atau dihebahkan di premis cawangan HLB atau pada skrin visual komputer atau terminal visual atau di laman webnya “www.hlb.com.my” dan notis itu akan dianggap telah dihantar atau berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut dikeluarkan atau dari tarikh yang disebut dalam notis.

14.2 Apa-apa notis (tak termasuk sebarang bentuk arahan berkenaan Akaun yang perlu dihantar oleh Pelanggan kepada HLB) mestilah dihantar kepada cawangan berkaitan tempat Akaun itu diselenggara melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier dihantar kepada atau ditinggalkan di cawangan HLB tersebut dan akan dianggap telah diterima oleh HLB apabila diakui terima oleh HLB.

## **15. Hak Mendedahkan Maklumat**

15.1 Selain pendedahan dibenarkan seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Pelanggan memberi kuasa dan keizinan tak boleh batal kepada HLB, para pegawai dan para pekerjanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat berkenaan Akaun, Terma dan Syarat ini, akaun Pelanggan masa sekarang dan masa akan datang dan apa-apa hal lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada :

- (a) institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi apa-apa kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau mana-mana kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang lain seperti yang dibenarkan undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia;
- (b) mana-mana perbadanan masa sekarang atau masa akan datang yang bersekutu atau berkaitan dengan HLB (mengikut takrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan serta wakil mereka masing-masing serta juga subsidari-subsidari syarikat induk HLB;
- (c) pihak-pihak penyedia cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran berkenaan Akaun;
- (d) juruaudit HLB, peguam cara dan/atau ejen-ejen lain bersabit dengan usaha mendapat kembali jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar di bawah ini; dan
- (e) Penasihat profesional HLB, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dengan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutunya. Pelanggan dengan ini memberi keizinan tak boleh batal untuk pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLB, para pegawai dan para pekerjanya tidaklah bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat tersebut atau terhadap akibat daripada kebergantungan yang diletakkan pada maklumat yang dibekalkan itu selaras dengan Terma dan Syarat ini.”

## **16. Representasi dan Waranti**

16.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa segala representasi dan waranti yang dibuat kepada HLB dalam permohonan adalah benar dan betul dan hendaklah tetap benar dan betul selagi Akaun itu diselenggara dengan HLB. Pelanggan beraku janji akan memberitahu HLB dengan serta-merta tentang apa-apa perubahan berkenaan mana-mana maklumat yang disediakan kepada HLB.

## **17. Undang-undang Terpakai**

17.1 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia atau mana-mana mahkamah lain berbidang kuasa kompeten yang Bank boleh, atas budi bicara mutlakanya, pilih untuk akur dan penyampaian sebarang proses undang-undang boleh dilaksanakan dengan apa-apa cara yang dibenarkan undang-undang.

17.2 Akaun hendaklah diselia oleh dan tertakluk kepada peraturan serta arahan Persatuan Bank-bank di Malaysia, BNM atau mana-mana pihak berkuasa kewangan yang sesuai dan mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan di HLB dari semasa ke semasa

**Akaun Mata Wang Asing dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**